

61

SOALAN NO. 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN OSCAR LING CHAI
YEW [SIBU]**

TARIKH : 12 MAC 2018

SOALAN :

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah permohonan undi pos sudah diterima oleh SPR sehingga hari ini. Siapakah yang layak untuk mengundi sebagai pengundi pos dan bagaimana dengan negara yang tidak ada Kedutaan Kerajaan Malaysia. Bagaimana Kerajaan memastikan undi pos itu sempat dikirim balik sebelum hari pengundian.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan undi pos luar negara telah dibuka mulai 23 Januari 2018 dan sehingga 23 Februari 2018, SPR telah menerima 1464 permohonan undi pos luar negara. Berdasarkan Peraturan 3(1) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003, mana-mana pemilih berdaftar layak mengundi secara pos jika termasuk dalam salah satu daripada kategori yang berikut:

- i. Pengundi tidak hadir di bawah Peraturan 2 Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 iaitu penjawat awam yang bertugas di luar Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta pasangan dan pelajar sepenuh masa di luar Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta pasangan;
- ii. Pengundi berdaftar di bawah Peraturan 27A(1)(a) dan (c) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 iaitu anggota tentera dan polis yang tidak dapat hadir mengundi pada hari mengundi awal;
- iii. Pegawai dan petugas pilihan raya yang kena menjalankan tugas pada hari mengundi awal atau hari mengundi;

- 63
- iv. Anggota Suruhanjaya Pilihan Raya yang dilantik di bawah Perkara 114 Pelembagaan Persekutuan; atau
 - v. Mana-mana pengundi berdaftar yang termasuk dalam kategori yang ditetapkan untuk mengundi secara pos melalui pemakluman notis yang diwartakan oleh SPR.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses penghantaran kertas undi pos luar negara bagi Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 akan diurus sepenuhnya oleh POS Malaysia Berhad dan tidak lagi melalui Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra). Adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk memastikan kertas undi dikembalikan kepada pegawai pengurus sebelum 5 petang hari mengundi.

Sekian, terima kasih.